

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, May 28, 2019 1:00 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jadikan Al-Quran Tatacara Hidup Kita



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2019 / 23 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

JADIKAN AL-QURAN TATACARA HIDUP KITA



UUM ONLINE: "Quran menjadi keutamaan dalam hidup kita walau dalam apa jua keadaan sekalipun, pegang sungguh-sungguh, pasti akan mendapat banyak manfaat kerana tiada kitab yang mampu menandingi kehebatan al-Quran yang datangnye dari Allah.

"Jadi, apa sahaja yang berlaku dalam hidup kita, rujuk dan perhatikan dalam al-Quran.

Namun berapa ramai yang jadikan al-Quran sentiasa berada dalam mata, telinga, hati dan genggaman?

"Susah untuk dilakukan sebab kita ada nafsu lalu al-Quran pun kita tepis, banyak masa dihabiskan dengan handset yang selalu dibawa ke sana ke mari."

Demikian bingkisan yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Khadafi Rofie dalam Ceramah Ramadan: Nuzul Quran anjuran Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB), di auditorium Paras 3, di sini.

“Rindu pada Ramadan inilah yang membuatkan kita berada pada posisi Allah beri berkat, jika tidak rindu kita kena buat semakan dalam hidup kita kerana rindu dengan Ramadan tanda kita bahagia dan bahagia tanda keberkatan dari Allah,” katanya.

Mengulas sejarah penurunan al-Quran, pada 17 ramadhan bersamaan 6 Ogos 610 masihi berlakunya penurunan al-Quran kepada nabi yang menjadi titik permulaan kepada kesepaduan, kekuatan dan kemuliaan umat Nabi Muhammad SAW.

Jelasnya, al-Quran diturunkan dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah sekali gus (lengkap) yang sudah tersusun 114 surah, 30 juzuk, 60 hizb, 6,236 ayat dengan 232,467 kalimat huruf.

Lalu al-Quran diturunkan kepada baginda melalui perantara Malaikat Jibril secara sikit-sikit (berperingkat-peringkat) selama 22 tahun, 22 bulan dan 22 hari dengan bermacam-macam peristiwa dan tragedi yang berlaku pada junjungan mulia yang agung.

“Nabi berada dalam suasana hidup masyarakat arab dengan pelbagai ujian, menjawab persoalan hukum dan kejadian menerusi 6,236 ayat di dalamnya yang mengandungi pelbagai ayat seperti ayat perintah, ayat larang, berita baik dan buruk.

Allah turunkan al-Quran sekali gus dan Allah telah susun perjalanan Nabi Muhammad dan umatnya selama 22 tahun tersebut yang semuanya sudah termaktub dalam al-Quran.

Misalnya ahli masyarakat pada ketika itu bertanya tentang roh, haid, atau apa saja kemusykilan Allah akan perintahkan Jibrail turunkan ayat kepada nabi bagi menjawab segala persoalan, hukum, atau isu yang timbul sebagai satu penyelesaian terbaik.

“Apa yang akan berlaku pada Muhammad, Allah sudah jawab terlebih dahulu dalam alQuran yang kekal dari dulu sampai sekarang, tidak berubah. Ketetapan Allah itu tidak boleh di lawan oleh manusia yang sentiasa berubah-ubah tetapi kenapa kita asyik dengan telefon bimbit?” soalnya.

Tambahnya, Al-Quran sesuatu yang sangat indah dan beruntung sekali umat Islam kerana adanya al-Quran. Allah akan memberi ganjaran terhadap apa yang kita kerjakan tidak kira lelaki mahupun perempuan seperti mana yang tercatat dalam al-Quran.

“Apa beza al-Quran dengan kitab lain? Bezanya ialah al-Quran daripada Allah sedangkan kitab lain bukan daripada Allah.

“Allah datangkan al-Quran dengan penuh kemuliaan justeru jadikan al-Quran sebagai tatacara dalam hidup kita, kerana al-Quran disusun, dirangka oleh Allah dan jalan inilah (yang mengikut al-Quran) jalan yang betul,” serunya.

Tambahnya, membuat keputusan merupakan suatu perkara yang susah dalam hidup hadirnya al-Quran memberi petunjuk kepada manusia dalam membuat keputusan.

“Beruntungnya kita, apa sahaja yang kita nak buat semua ada dalam al-Quran, nak buat apa tanya al-Quran sama ada boleh atau tidak, tidak perlu pening kepala memikirkannya.

“Quran memberi keterangan jelas untuk membuat keputusan sekiranya kita boleh terima apa yang tercatat maka selesai masalah tetapi berapa ramai yang tidak mengambil al-Quran sebagai petunjuk.

“Bila tidak boleh terima sesuatu keputusan membuatkan kita tidak tenang dan sentiasa berkeluh-kesah dalam hidup.

“Allah yang ciptakan kita dan semua yang ada di dunia ini jadi dia tahu apa yang kita perlukan, Dia juga yang tentukan hidup kita malah menu untuk berbuka puasa pun Dia tentukan tetapi masalahnya al-Quran tidak jadi kekuatan, tiada di dalam hati mahupun genggamannya kita,” luahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.